



GARIS PANDUAN PERMOHONAN

PROGRAM PEMBANGUNAN PROFESIONAL 2023 PROFESSIONAL DEVELOPMENT PROGRAMME (PRO-P) 2023

1.0 PENGENALAN

MARA menawarkan pinjaman pelajaran ke peringkat **Profesional/Pakar** di Institusi Pengajian Tinggi terkemuka dalam dan luar negara kepada graduan cemerlang dalam bidang profesional yang memberi impak besar kepada keperluan guna tenaga negara.

2.0 SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut:

2.1 Syarat Umum

2.1.1 Pemohon dan salah seorang ibu ATAU bapa adalah bertaraf bumiputera dan warganegara Malaysia.

2.1.2 Had umur pemohon pada **31 Disember 2023**:

Tempat Pengajian	Had Umur
Dalam Negara	Minimum 18 tahun dan tidak melebihi 45 tahun
Luar Negara	Minimum 19 tahun dan tidak melebihi 35 tahun

- 2.1.3 Pemohon perlulah mendapatkan pengesahan dari doktor bertauliah bahawa pemohon adalah sihat dan boleh melanjutkan pengajian.
- 2.1.4 Pemohon/Ibu/Bapa/Penjaga/Pasangan tidak termasuk dalam Senarai Hitam (*blacklisted*) MARA atau dalam tindakan Undang-Undang MARA.
- 2.1.5 Tidak pernah menerima bantuan kewangan/tajaan daripada mana-mana agensi bagi pengajian di peringkat sama.
- 2.1.6 Pemohon mendapat pelepasan/penangguhan kontrak perkhidmatan atau bayaran balik pinjaman daripada badan penaja lain. Calon yang sedang dalam perkhidmatan perlu mendapat kelulusan cuti belajar tanpa gaji atau pengesahan bertulis mengenai perletakan jawatan daripada majikan.
- 2.1.7 Pemohon tidak pernah ditamatkan bantuan oleh mana-mana badan penaja atas sebab tindakan disiplin, menyalahi undang-undang negara serta tidak pernah diberhentikan oleh mana-mana Institusi Pengajian atas masalah akademik/displin.

2.2 Syarat Program

- 2.2.1 Pemohon yang **SEDANG** atau **AKAN** mengikuti pengajian **tertakluk kepada surat tawaran sebelum atau pada 31 Disember 2023**.
- 2.2.2 Pemohon yang ingin melanjutkan pengajian di luar negara perlu mendapatkan tawaran bersyarat (*Conditional Offer Letter*) atau tanpa syarat (*Unconditional Offer*) daripada Institut Pengajian dalam negara dan luar negara (**rujuk Lampiran A**) yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Badan-Badan Profesional, Badan-badan berkuasa pengiktirafan dalam negara dan sebagainya.

- 2.2.3 Pemohon yang telah memiliki kelayakan akademik bagi peringkat pengajian yang sama dengan permohonan ini tidak akan dipertimbangkan.
- 2.2.4 Permohonan terbuka kepada pengajian **SEPENUH MASA** dalam dan luar negara.
- 2.2.5 Hanya pemohon yang sedang berkhidmat dan mendapat pelepasan dari pihak majikan sahaja yang akan dipertimbangkan bagi pengajian ke **LUAR NEGARA**. Jika pemohon tidak mendapat pelepasan dari pihak majikan, pemohon boleh memohon pengajian secara **SEPARUH MASA** di **DALAM NEGARA** sahaja.
- 2.2.6 Bagi pengajian secara **SEPARUH MASA** di dalam negara, layak untuk pinjaman yuran pengajian sahaja.

2.3 Syarat Kelayakan Akademik

- 2.3.1 Rujuk Lampiran B

3.0 TEMPOH PINJAMAN

- 3.1 Tempoh pinjaman bagi pelajar baharu adalah berdasarkan tempoh pengajian sebenar dan bagi pelajar sedia ada, tempoh pengajian tidak kurang daripada 1 tahun.

4.0 PERMOHONAN

- 4.0 Permohonan perlu dibuat secara dalam talian (*online*) di <https://educationloan.mara.gov.my> bermula 23 Jun sehingga 06 Julai 2023 jam 11.59 malam.
- 4.1 Pemohon hendaklah memastikan maklumat diisi lengkap dan permohonan yang tidak lengkap atau lewat tidak akan diproses.

- 4.2 Permohonan yang telah dihantar tidak boleh diubah dan dikemaskini.
- 4.3 Dokumen sokongan di dalam sistem perlulah dimuat naik seperti yang tertera dalam panduan permohonan program.
- 4.4 Pemohon perlu sentiasa menyemak status permohonan yang telah dihantar dalam sistem Myeduloan dari semasa ke semasa di pautan <https://educationloan.mara.gov.my>. Pemohon yang berjaya dan menerima tawaran perlu mencetak dan menghantar dokumen yang berkaitan kepada MARA.
- 4.5 Permohonan yang tidak mendapat maklum balas daripada pihak MARA selepas tiga (3) bulan daripada tarikh iklan adalah dianggap **tidak berjaya** dan **keputusan adalah muktamad**.

5.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai program dan masalah teknikal boleh dibuat dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang melalui emel ke alamat seperti berikut:

Emel : prop@mara.gov.my
: ictbpp@mara.gov.my (bagi masalah teknikal semasa permohonan)

SENARAI INSTITUSI PENGAJIAN

A) DALAM NEGARA

i. **AKAUNTAN PROFESIONAL**

- Institusi pengajian seperti di dalam syarat akademik atau yang diiktiraf oleh Badan Profesional

ii. **PERUBATAN**

- Universiti Malaya (UM)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Sains Malaysia (USM)
- Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

** Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia*

iii. **PERGIGIAN (UNIVERSITI AWAM)**

- Universiti Malaya (UM)
- Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Universiti Sains Malaysia (USM)
- Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

iv. **PERGIGIAN (INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA)**

- AIMST University
- Penang International Dental College (PIDC)
- Universiti MAHSA
- International Medical University (IMU)
- Melaka-Manipal Medical College (MMMMC)
- SEGI University
- Lincoln University College

** Sumber: Malaysian Dental Council*

B) LUAR NEGARA

i. AKAUNTAN PROFESIONAL

- Institusi pengajian seperti di dalam syarat akademik atau yang diiktiraf oleh Badan Profesional

ii. PAKAR (PERUBATAN & PERGIGIAN)

- Universiti dipilih perlulah daripada universiti yang diiktiraf bagi program bidang Kepakaran.

Sumber: www.topuniversities.com

Nota: Bagi bidang profesional lain perlu mendapat kelulusan MARA

PERINGKAT PENGAJIAN	KURSUS
Persediaan/Foundation/ Sijil	ACCA Foundation in Accountancy (AFIA)
Profesional/Pakar	Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)/Certificate Professional Accounting (CPA CAANZ)/ Institute Of Chartered Accountant (ICAEW) dan Chartered Institute Of Management Accountants (CIMA)
	Anaesthesiology, Clinical Oncology, Emergency Medicine, Family Medicine, Forensic Medicine, General Surgery, Internal Medicine, Neuro Surgery, Nuclear Medicine, Obstetrics & Gynaecology, Ophthalmology, Orthopaedic Surgery, Otorhinolaryngology, Paediatric, Paediatric Surgery, Pathology, Plastic Surgery, Psychiatry, Public Health, Radiology, Rehabilitation Medicine
	Oral Surgery, Orthodontic, Periodontology, Paediatric Dentistry, Restorative Dentistry, Oral Pathology & Oral Medicine & Forensic Dentistry
	Lain-lain bidang profesional yang diiktiraf badan profesional dan diluluskan oleh MARA.

SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

BIL	NAMA KURSUS	SYARAT
1	<p>ACCA FOUNDATION IN ACCOUNTANCY (AFIA) UNIVERSITI POLY-TECH MALAYSIA (UPTM)</p>	<p>i. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat gred A bagi EMPAT (4) mata pelajaran termasuk Matematik dan Bahasa Inggeris; ATAU Kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia</p>
2	<p>ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANTS (ACCA) UNIVERSITI POLY-TECH MALAYSIA (UPTM)</p>	<p>i. Lulus ACCA-CAT atau <i>ACCA Foundation in Accountancy</i>; ATAU ii. Lulus Matrikulasi dengan CGPA 2.75, termasuk subjek Matematik dan Bahasa Inggeris di peringkat SPM; ATAU iii. Lulus Diploma/Ijazah Sarjana Muda daripada institusi dalam atau luar negara dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Badan Profesional.</p>
3.	<p>JURUSAN PERAKAUNAN PROFESIONAL (JPPro) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM), SHAH ALAM</p>	<p>i. Pelajar lepasan matrik Jurusan Perakaunan Profesional. ii. Pelajar mendapat CGPA minimum 3.50 dan telah lulus 3 kursus ACCA sebelum diterima</p> <p><i>*Hanya pemohon yang telah melepasi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM sahaja yang layak mendapat tajaan MARA</i></p>

<p>4.</p>	<p>DIPLOMA PERAKAUNAN TREK PANTAS (DIA FT)-ACCA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM), SHAH ALAM</p>	<p>i. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan Malaysia dan mendapat TIGA (3) kepujian termasuk Bahasa Melayu DAN Mendapat Gred A bagi TUJUH (7) mata pelajaran termasuk Matematik/Matematik Tambahan dan Bahasa Inggeris</p> <p><i>*Lulus temuduga dan ujian yang dikendalikan oleh fakulti. Tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Badan Profesional</i></p>
<p>5.</p>	<p>ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANTS (ACCA): ALP PLATINUM</p>	<p>i. Lulus ACCA-CAT atau ACCA <i>Foundation in Accounting</i>; ATAU</p> <p>ii. Memiliki Diploma/Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada universiti dalam atau luar negara yang diiktiraf dan memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas atau setaraf dengannya</p> <p>iii. Mendapat pengecualian untuk mengambil empat (4) subjek tambahan bagi pemegang ijazah sarjana muda dan sepuluh (10) subjek tambahan bagi pemegang diploma; (tertakluk kepada kelulusan Badan-badan Profesional)</p> <p>iv. Mendapat tawaran pengajian daripada Institusi Pengajian Dalam dan Luar Negara yang bertaraf ‘ALP Platinum’;</p> <p>v. Calon yang mempunyai pengalaman 3 tahun bekerja diutamakan.</p>

6.	<p>THE MALAYSIAN INSTITUTE OF CERTIFIED PUBLIC ACCOUNTANTS (MICPA) CPA (M) CA (ANZ)</p>	<p>i. Berumur 25 tahun ke bawah (*ditetapkan oleh Badan Profesional)</p> <p>ii. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada universiti dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh MICPA atau CAANZ berserta minimum CGPA seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • CGPA 3.00 dari 4.00 atau; • CGPA 4.00 daripada 9.00 (New Zealand) atau; • CGPA 5.00 daripada 7.00 (Australia) <p><i>*Hanya pemohon yang telah melepasi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MICPA sahaja yang layak mendapat tajaan MARA</i></p>
7.	<p>INSTITUTE OF CHARTERED ACCOUNTANTS (ICAEW)</p>	<p>i. Memiliki Ijazah Sarjana Muda daripada universiti dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh Badan Profesional dan memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas atau setaraf dengannya</p>
8.	<p>CHARTERED INSTITUTE OF MANAGEMENT ACCOUNTANTS (CIMA)- CHARTERED GLOBAL MANAGEMENT ACCOUNTANT FINANCE LEADERSHIP PROGRAMME</p>	<p>i. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan/Perniagaan/Pentadbiran Kewangan daripada universiti dalam dan luar negara yang diiktiraf oleh Badan Profesional dan memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas atau setaraf dengannya</p> <p>ii. Perlu mengambil dua (2) atau tiga (3) peringkat peperiksaan sahaja bergantung kepada pengecualian</p>

		<p>subjek sekiranya memiliki Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan - <i>Operational Case Study Exam, Management Case Study & Strategic Case Study Exam</i></p> <p><i>*Hanya pemohon yang telah melepasi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak CIMA sahaja yang layak mendapat tajaan MARA</i></p>
9.	CHARTERED FINANCIAL ANALYST (CFA)	<p>i. Memiliki ijazah sarjana muda daripada universiti dalam atau luar negara dan memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas atau setaraf dengannya. Keutamaan adalah dalam bidang kewangan dan lain-lain syarat kelayakan yang diiktiraf oleh Badan Profesional</p>
10.	ASSOCIATION OF SHARIAH ADVISORS IN ISLAMIC FINANCE (ASAS) CERTIFIED SHARIAH ADVISOR (CSA)	<p>i. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah daripada universiti dalam atau luar negara dengan memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas atau setaraf dengannya dan lain-lain syarat kelayakan yang diiktiraf oleh Badan Profesional</p> <p>ii. Pemohon baharu atau pemohon yang mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang berkaitan.</p> <p>iii. Pemohon baharu dan pemohon semasa layak untuk memohon</p> <p>iv. Memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Badan Profesional</p> <p><i>*Hanya pemohon yang telah melepasi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak ASAS sahaja yang layak mendapat tajaan MARA</i></p>

11.	ASSOCIATION OF SHARIAH ADVISORS IN ISLAMIC FINANCE (ASAS) CERTIFIED SHARIAH PRATITIONER (CSP)	<ul style="list-style-type: none"> i. Memiliki kelayakan profesional dalam bidang <i>Islamic Finance</i>; dan dua (2) tahun pengalaman kerja dalam bidang <i>Islamic Finance</i> dan lain-lain syarat kelayakan yang diiktiraf oleh Badan Profesional ii. Pemohon baharu dan pemohon semasa layak untuk memohon iii. Memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Badan Profesional <p><i>*Hanya pemohon yang telah melepasi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak ASAS sahaja yang layak mendapat tajaan MARA</i></p>
12.	PAKAR PERUBATAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Ijazah sarjana muda daripada universiti dalam atau luar negara dan pendaftaran yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia ii. Mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya dua (2) tahun selepas Ijazah Perubatan asas atau; iii. Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya empat (4) tahun dalam bidang berkaitan
13.	PAKAR PERGIGIAN	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempunyai Ijazah Pergigian/Ijazah Sarjana Sains daripada universiti dalam atau luar negara atau setaraf yang diperakui ii. Mempunyai Sijil Pendaftaran Pengamalan dari Majlis Pergigian Malaysia atau pengamalan yang diiktiraf

		<ul style="list-style-type: none"> iii. Telah menjadi pengamal pergigian sekurang-kurangnya 2 tahun selepas ijazah sarjana muda atau; iv. Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya empat (4) tahun dalam bidang berkaitan
15.	<p>CERTIFICATE IN ISLAMIC BANKING & FINANCE (CIBF)</p> <p>INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (IIUM)</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Memiliki ijazah sarjana muda daripada universiti dalam atau luar negara dengan memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas atau setaraf dengannya dan lain-lain syarat kelayakan yang diiktiraf oleh Badan Profesional <p><i>*Hanya pemohon yang telah melepasi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak ASAS sahaja yang layak mendapat tajaan MARA</i></p>
16.	<p>CERTIFICATE OF SHARIAH FOR TAKAFUL PRACTITIONERS (CSTP)</p> <p>INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (IIUM)</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Memiliki ijazah sarjana muda daripada universiti dalam atau luar negara dan memperolehi sekurang-kurangnya CGPA 3.00 ke atas atau setaraf dengannya dan lain-lain syarat kelayakan yang diiktiraf oleh Badan Profesional <p><i>*Hanya pemohon yang telah melepasi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak ASAS sahaja yang layak mendapat tajaan MARA</i></p>
17.	<p>LAIN-LAIN PROGRAM PROFESIONAL DENGAN PENGIKTIRAFAN CERTIFIED/CHARTERED OLEH BADAN PENTAULIAHAN PROFESIONAL</p>	

LAIN-LAIN SYARAT

Calon yang memohon bagi pengajian ke luar negara, perlulah memperoleh **markah minimum 6.5** dalam peperiksaan **International English Language System (IELTS)** atau memperoleh **markah minimum 90** atau setaraf dalam peperiksaan **Test of English as a Foreign Language (TOEFL)**.